



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Fakulti Usuluddin
Semester I, Sesi Akademik 2020/2021**

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus	: UA0125
Nama Kursus	: Akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah
Peringkat Kursus	: Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah
Masa	: 3 jam

Nota :

Jawab empat soalan dari soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ARAHAN:

Sila jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja daripada soalan-soalan berikut:

Soalan Pertama (15 markah)

“Aqidah ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah” adalah kaedah yang dijalani oleh sebilangan besar umat Islam di seluruh dunia dan dijadikan sebagai panduan dalam beraqidah kerana menepati dengan manhaj Islam seperti yang dituntut oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Sila perincikan maksud bagi setiap kalimah tersebut.

(15 markah)

Soalan Kedua (15 markah)

Buku **al-I’tisam** karangan al-Shatibi telah menyenaraikan golongan-golongan yang dimaksudkan dengan “**al-Jama’ah**” dengan bersandarkan kepada pendapat para ulama. Perincikan golongan-golongan yang dimaksudkan tersebut.

(15 markah)

Soalan Ketiga (15 markah)

Para ulama telah mengariskan beberapa asas untuk membina Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah yang menjadi pengukur dan pembeza di antara Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah dari mazhab-mazhab yang lainnya. Sila jelaskan asas-asas tersebut.

(15 markah)

Soalan Keempat (15 markah)

- i. Dasar-dasar Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mengariskan bahawa hendaknya menyakini bahawa Islam terdiri daripada tiga (3) maqam. Sebutkan dan terangkan tiga (3) maqam tersebut.
(7.5 markah)
- ii. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam Surah al-Qiyamah ayat:23, tafsirnya "...Wajah-wajah (orang-orang mukmin) pada hari itu berseri-seri. Kepada Tuhannya mereka melihat..." Ayat yang menerangkan tentang melihat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada hari kiamat kelak. Bincangkan mengenainya menurut mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan Mu'tazilah.
(7.5 markah)

Soalan Kelima (15 markah)

- i. Salaf dan Khalaf adalah dua (2) generasi terkemuka di dalam sejarah perkembangan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Apakah maksud Salaf dan Khalaf? dan berikan penjelasan mengenai sejarah kemunculan istilah Salaf dan Khalaf itu.
(7.5 markah)
- ii. Masalah Ijtihadiah dalam memahami aqidah Islam telah melahirkan tiga aliran dalam Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Nyatakan dan jelaskan mengenai aliran-aliran tersebut.
(7.5 markah)

Soalan Keenam (15 markah)

Dasar-dasar kesesatan yang disepakati secara ijma' yang terkeluar daripada manhaj al-Quran dan al-Sunnah adalah berpunca daripada beberapa faktor. Jelaskan faktor-faktor tersebut dengan terperinci.

(15 markah)